

09 APR 1997

MINAT MALAYSIA BELI SYARIKAT FOKKER HAMPIR PUDAR

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Minat Malaysia untuk menyelamatkan syarikat pembuat pesawat Belanda, NV Fokker, yang muflis hampir pudar berikutan kerumitan dari segi menjalankan siasatan dan audit terhadap syarikat itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Katanya, Malaysia tidak akan membuat komitmen kewangan jika tidak dibenarkan membuat penelitian dan penyiasatan dari segi kewangan dan pengauditan terhadap syarikat berkenaan.

"Nampaknya ada kerumitan dalam hal penelitian dari segi kewangan dan audit dan "due diligence" ... sukar untuk teruskan minat meneliti kedudukan Fokker dan kemungkinan menyertai proses menyelamatkan syarikat itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Tatarstan Mintimer Shaimiev di pejabatnya di sini.

Ditanya sama ada minat Malaysia untuk membeli syarikat itu sudah tamat, beliau berkata: "Minat Malaysia sudah hampir tamat".

Presiden itu dan rombongannya kini sedang dalam lawatan peribadi ke Malaysia. Tatarstan merupakan salah satu wilayah dalam Persekutuan Rusia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Februari lepas berkata kerajaan sedang mengkaji cadangan menyelamatkan syarikat itu melalui pembabitan Khazanah Nasional setelah menerima tawaran untuk berbuat demikian.

Jika rundingan itu berhasil, Khazanah Nasional mungkin membeli 39 peratus kepentingan dalam Fokker dan ini mungkin meningkat sehingga 51 peratus dan baki ekuiti itu akan dipegang oleh Kerajaan Belanda dan sebuah syarikat Belanda.

Difahamkan bahawa Khazanah Nasional mungkin dikehendaki membayar jumlah awal 540 juta guilders Belanda (kira-kira RM685 juta) bagi kepentingan 39 peratus tersebut.

Pada suatu ketika Fokker merupakan syarikat pembuat kapal terbang komersil yang keempat terbesar selepas Boeing Commercial Airplane Co, Airbus Industrie dan McDonnell-Douglas Corp.

Masalah kewangan Fokker sampai ke kemuncaknya pada bulan Mac tahun lepas apabila syarikat itu memohon untuk diisytiharkan muflis ekoran penarikan diri pemegang saham utamanya, Daimler-Benz dari Jerman. --

BERNAMA

RHM SIA